



# Buku Panduan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Untuk Kontraktor Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor

<b>Perkara/ Projek/ Kerja</b>	:	<hr/> <hr/>
<b>No Tawaran/ Sebutharga</b>	:	<hr/> <hr/>
<b>Harga Kontrak ( RM )</b>	:	<hr/> <hr/>
<b>Tarikh Mula Projek</b>	:	<hr/> <hr/>
<b>Tarikh Siap Projek</b>	:	<hr/> <hr/>
<b>Nama Syarikat</b>	:	<hr/> <hr/>
<b>Alamat Syarikat</b>	:	<hr/> <hr/>
<b>No Telefon Dan Fax</b>	:	<hr/> <hr/>
<b>Alamat e-mel</b>	:	<hr/> <hr/>
<b>Pengurus Projek (Kontraktor):</b> _____		
<b>Pengurus Projek (UiTM)</b>	:	<hr/> <hr/>

## ISI KANDUNGAN

Bil	Perkara	Muka Surat
<b>PENGENALAN</b>		
<b>1.0</b>	<b>PERATURAN, TATACARA, GARIS PANDUAN DAN ETIKA KERJA</b>	<b>3</b>
1.1	Keperluan Awalan	3-4
1.2	Pengurusan Di kawasan tapak bina	4
1.3	Pemberitahuan dan Pelaporan Kemalangan	5
1.4	Papan Tanda Keselamatan Tapak Bina	5
1.5	Pagar Adang (Hoarding)	6
1.6	Alat Pelindungan Diri (PPE)	6
1.7	Alat Pencegah Kebakaran	7
1.8	Pegawai Keselamatan & Kesihatan (SHO)	7
1.9	Penyelia Keselamatan Tapak Binaan (SSS)	7
1.10	Laluan Selamat Keluar Masuk	7
1.11	Permit Menjalankan Kerja (PTW)	8
1.12	Bahan Berbahaya & Mudah Terbakar	8
1.13	Etika	8-9
1.14	Latihan	9
<b>2.0</b>	<b>ATURAN KESELAMATAN &amp; KESIHATAN</b>	
2.1	Keselamatan Fizikal	10
2.2	Bekerja Tempat Tinggi	11
2.3	Perancah Scafflding	11-12
2.4	Keselamatan Elektrik	13-14
2.5	Lock Out / Tag Out	14
2.6	Penggunaan Mesin Angkat	14-15
2.7	Pengendalian Sisa Buangan	15
<b>3.0</b>	<b>KEADAAN KERJA KHAS</b>	
3.1	Kerja Ruang Terkurung	16
3.2	Pergerakan Lalu Lintas	16
3.3	Keselamatan Pengendalian Gas	17
3.4	Kerja Peledakan	17
3.5	Pengurusan Udara Mampat	18
3.6	Kerja Panas ( <b>Hot Work</b> )	18
3.7	Kerja mengorek / menggali	19
<b>4.0</b>	<b>SENARAI SEMAK</b>	<b>20</b>
<b>5.0</b>	<b>PENYERAHAN LIABILITI</b>	<b>21-23</b>
<b>6.0</b>	<b>PERAKUAN KONTRAKTOR</b>	<b>24</b>
<b>7.0</b>	<b>PANDUAN TELEFON</b>	<b>25</b>
<b>8.0</b>	<b>BORANG PENALTI</b>	<b>26-28</b>
<b>9.0</b>	<b>LAMPIRAN</b>	<b>29-34</b>
<b>10.0</b>	<b>RUJUKAN</b>	<b>35</b>

## **PENGENALAN**

Panduan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Untuk Kontraktor ini adalah bertujuan untuk membantu UiTM untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat kepada kontraktor, warga UiTM dan pelawat. Kejadian kemalangan di tempat kerja terutama tapak pembinaan akan mengakibatkan kecederaan, kehilangan nyawa, kerugian harta benda dan kemasuhanan persekitaran yang melibatkan kos perbelanjaan, kehilangan masa dan menjaskasni imej organisasi.

Dengan itu, para pekerja dapat menjalankan kerja dengan baik, selesa serta dapat menyiapkan kerja yang diberikan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Kepentingan keselamatan dan kesihatan bertujuan untuk memastikan kelancaran kerja di tapak pembinaan atau tempat kerja.

### **1.0) PERATURAN-PERATURAN, TATACARA, GARIS PANDUAN DAN ETIKA KERJA BERKAITAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN BAGI KONTRAKTOR DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SELANGOR.**

Semua kontraktor (majikan, penyelia dan pekerja) hendaklah memahami dan melengkapkan diri dengan pengetahuan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan setiap masa hendaklah mematuhi **Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994** dan **Peraturan - Peraturan** berkaitan agar tidak menjaskasni warga UiTM, orang awam, persekitaran dan harta benda UiTM.

Setiap kontraktor yang dipilih untuk melaksanakan apa - apa kerja, aktiviti atau perkhidmatan di UiTM hendaklah menyerahkan perkara-perkara berikut kepada Pegawai Pengguna Pejabat Pengurusan Fasiliti & ICT, UiTM Cawangan Selangor (**PPF&ICT, UCS**) sebelum memulakan sesuatu kerja atau aktiviti iaitu :-

#### **1.1) Keperluan Awalan**

- a) **Carta Organisasi Kontraktor**:- merangkumi senarai nama pihak pengurusan tertinggi, nama pekerja dan jawatan
- b) **Senarai nama pekerja**, bidang tugas dan nombor telefon untuk dihubungi.
- c) **Carta organisasi keselamatan dan kesihatan Kontraktor**, merangkumi nama pihak pengurusan, nama pekerja tapak binaan dan jawatan berserta nombor telefon untuk dihubungi.
- d) Salinan fotostat kad pengenalan diri, pasport dan permit kerja yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Imigresen dan yang berkaitan.
- e) Salinan fotostat **Kad Hijau CIDB** (CIDB Green Card) atau Kupon NIOSH (NIOSH COUPON)
- f) **Senarai penerimaan PPE oleh pekerja** (Serahkan satu salinan).
- g) **Menandatangani surat penyerahan liabiliti**. (serahkan satu salinan)
- h) Salinan fotokopi sijil pendaftaran CIDB kontraktor
- i) Gambar warna setiap pekerja berukuran pasport sebanyak dua (02) keping.
- j) Manual Keselamatan termasuk kajian risiko (Risk Assesment Study) serta langkah-langkah mengatasinya untuk setiap projek berkenaan

k) Tatacara Kerja (Method Of Statement) yang berkaitan satu salinan.

## 1.2 Pengurusan Di Kawasan Tapak Bina

- a) Semua pihak pengurusan kontraktor dan pihak yang terlibat, hendaklah bertanggungjawab terhadap **semua pekerja** dan memastikan mereka **memiliki pas pekerja** (boleh dimohon di Pejabat Polis Bantuan UiTM)
- b) Pihak Pengurusan Kontraktor (Majikan) diminta menghadiri taklimat keselamatan dan kesihatan dari **PPF&ICT, UCS** sebelum memulakan apa - apa kerja di tapak bina.
- c) Pihak pengurusan kontraktor (Majikan) adalah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan **laporan mesyuarat keselamatan dan kesihatan pekerjaan** di tapak binaan, pada setiap kali mesyuarat dilangsungkan dan satu (01) salinan harus diserahkan kepada **PPF&ICT, UCS**.
- d) Kontraktor atau wakil yang dilantik hendaklah melaporkan status/ hal-hal Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (jika ada isu) di tapak bina didalam mesyuarat kemajuan tapak/ bulanan.
- e) Pihak pengurusan kontraktor atau penyelia tapak perlu melaksanakan **taklimat ringkas keselamatan dan kesihatan pekerjaan pada para pekerja, dikenali sebagai (toolbox talk)** pada **setiap minggu** bagi mengingatkan para pekerja berkaitan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta diri sewaktu bekerja.


Antara topik-topik yang perlu dibincangkan semasa **sesi toolbox**:

- i. Skop kerja yang hendak dilakukan
  - ii. Job safety Analysis
  - iii. Keselamatan semasa bekerja
  - iv. Penerangan cara melakukan kerja dengan selamat
  - v. Permit Kerja- Pemerhatian Khas
  - vi. Isu-isu semasa di tempat kerja
- f) Menyediakan **peti rawatan kecemasan 'First Aid Box'** yang lengkap di tempatkan yang mudah dilihat dan dicapai dalam tapak bina.

### 1.3) Pemberitahuan Dan Pelaporan Kemalangan Dan Kejadian Berbahaya

- a) Di bawah Seksyen 32 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, seseorang majikan hendaklah memberitahu Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) yang terdekat tentang apa-apa kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan, atau penyakit pekerjaan yang telah terjadi atau mungkin akan terjadi di tempat kerja.
- b) Kaedah pemberitahuan dan pelaporan kemalangan hendaklah mematuhi Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2004 (Pemberitahuan Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan).

### 1.4) Papan Tanda Keselamatan Tapak Bina

- a) Papan tanda keselamatan tapak bina untuk memberi amaran kepada orang ramai yang berhampiran tapak bina mengenai aktiviti berbahaya yang berlaku di kawasan tersebut.
- b) Ukuran papan tanda hendaklah mengikut *standard* di **LAMPIRAN 1** untuk menyediakan maklumat komunikasi yang berkesan mengenai lingkungan bahaya kepada orang ramai di tapak bina supaya kecederaan akibat bahaya ini dapat dielakkan.
- c) Papan tanda hendaklah di buat :-
  - i. Dari bahan kalis air, logam atau *plastic vinyl* atau yang setaraf dan bersesuaian.
  - ii. Keluasan permukaan muka sekurang - kurangnya 0.12 meter luas
  - iii. Dicetak dalam huruf besar cukup mudah dibaca dan berwarna
  - iv. Dipamirkan atau dipaparkan atau diletakkan di kedudukan yang mudah dilihat di tapak bina / bangunan.
- d) Maklumat yang berkaitan **kod warna** sebagai notis keselamatan dan kesihatan kepada pekerja dan orang awam juga perlu merujuk kepada jenis hazard dan bahaya yang telah dikenal pasti. Kod warna adalah seperti berikut:-
  - i. *Prohibition* ( Larangan ) - Warna Merah
  - ii. *Mandatory* ( Kemestian ) - Warna Biru
  - iii. *Warning* ( Amaran ) - Warna Kuning
  - iv. *Safe* ( Selamat ) - Warna Hijau

\* *Papan tanda keselamatan yang di syorkan di LAMPIRAN 1*

## 1.5) Pagar Adang / Penghadang Bagi Kawasan Bahaya (Hoarding)

- a) Kawasan tempat kerja atau tapak bina yang melibatkan aktiviti meroboh, mengorek, menggali, membina binaan hendaklah ditutup dengan penghadang pelindung sempadan (*safety barricade/ safety net/ hoarding*) di kawasan sekelilingnya dan maklumat notis tanda amaran keselamatan hendaklah dipamerkan di dinding pelindung atau kawasan berisiko atau bahaya.
- b) Pihak kontraktor yang terlibat dalam perlaksanaan projek pembangunan dan penyelenggaraan di dalam kawasan UiTM haruslah menyediakan papan sempadan (perimeter *hoarding*) di kawasan **sekelilingnya dengan sempurna dan berpintu serta berkunci** seperti yang di \*syorkan oleh pihak **PPF&ICT, UCS** tanpa membenarkan mana-mana pihak atau orang awam menceroboh ke dalam tapak bina bagi mengurangkan risiko kecurian dan sebagainya dari berlaku di tapak binaan.

\* *Penghadang / Hoarding yang di syorkan di LAMPIRAN 2*

## 1.6) Keperluan Alat Pelindung Diri (PPE)

Pihak Pengurusan Kontraktor (Majikan) perlu mengenalpasti jenis tugas dan aktiviti yang terlibat di tapak bina dan membekal Alat Perlindungan Diri (PPE) kepada para pekerja yang bersesuaian. Kesemua pekerja yang terlibat didalam perlaksanaan kerja-kerja yang berkaitan adalah dikehendaki memakai alat-alat perlindungan diri berdasarkan skop bidang yang berkaitan kerja yang akan dilaksanakan seperti :-

- a) **Topi Keledar Keselamatan (*Safety Helmet*)**
- b) **Kasut But Keselamatan (*safety Boot*)**
- c) Alat perlindungan tangan (*safety glove*)
- d) Alat Penangkap Jatuh (*Fall Aresster*)
- e) Alat Pelindung Muka (*Face Shield*)
- f) Alat pelindung Pendengaran (*Ear Protection*)
- g) *Respirator*
- h) *Dust Mask* dan lain-lain

\* *Contoh Gambar Alat Perlindungan Diri di LAMPIRAN 3*

**Nota :** Pelawat atau pekerja yang masuk ke dalam tapak bina **dikehendaki** memakai tapi keledar keselamatan (***Safety Helmet***) dan kasut perlindungan keselamatan (***safety Boot***).

### 1.7) Alat / Sistem Pencegah Kebakaran

- a) Pihak kontraktor harus memastikan bahawa setiap **alatan pencegah kebakaran** yang berada dalam kawasan tapak bina/ tempat kerja terutamanya di tempat - tempat yang berisiko tinggi serta bahaya, berada dalam keadaan yang baik dan boleh **digunakan** (berfungsi) semasa atau ketika keadaan kecemasan.
- b) Sekiranya hendak menanggal atau mencabut atau mengalihkan **sistem penggera amaran** dan **pencegahan kebakaran** di mana-mana bangunan di Kampus UiTM, pihak kontraktor hendaklah mendapatkan **kebenaran bertulis** daripada PPF&ICT, UCS.

### 1.8) Pegawai Keselamatan dan Kesihatan di tapak pembinaan (SHO)

- a) Untuk projek bernilai **RM20 Juta** atau lebih, pihak Pengurusan kontraktor hendaklah mengambil kerja **orang kompeten sepenuh masa** untuk bertindak sebagai **pegawai keselamatan dan kesihatan** di tempat kerja di seluruh tempoh fasa pembinaan.
- b) Pegawai keselamatan dan kesihatan hendaklah diambil kerja semata-mata bagi maksud menjamin pematuhan wajar di tempat kerja akan peruntukan Akta dan apa-apa peraturan yang dibuat, dan penggalakan kerja dan perjalanan selamat ke tempat kerja.
- c) Pegawai Keselamatan dan Kesihatan hendaklah yang berkelayakan dan di iktiraf sebagaimana termaktub dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) Peraturan 1997.
- d) Pegawai keselamatan dan kesihatan hendaklah melaksanakan tugasnya sebagaimana yang ditetapkan dalam BAHAGIAN V Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ( Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan) Peraturan 1997.

### 1.9) Penyelia Keselamatan Tapak Binaan (SSS)

- a) Pengurusan Kontraktor hendaklah melantik seorang Penyelia Keselamatan Tapak Binaan (*Site Safety Supervisor*) untuk tempoh sepanjang pembinaan berjalan.
- b) Penyelia Tapak Binaan hendaklah melaksanakan tugas sebagaimana yang ditetapkan dalam Akta Kilang dan Jentera (Binaan Bangunan dan Kerja - kerja Kejuruteraan ( BOWEC) Peraturan Keselamatan 1986.

### 1.10) Laluan Selamat keluar dan masuk

Semua lokasi arah keluar, masuk dan laluan terowong didalam kawasan tapak bina diwajibkan **tiada halangan** seperti bahan binaan, sisa bahan binaan atau alat perkakasan kerja pembinaan yang menghalang laluan tersebut.

### 1.11) Permit Menjalankan Kerja (PTW)

- a) Semua kerja-kerja menggali dan memecah atau kerja-kerja berkaitan Elektrik di kawasan UiTM perlu mendapat kebenaran PERMIT MENJALANKAN KERJA (*Permit To Work*) daripada Unit Operasi Elektrik.

**Nota:-** Kegagalan pihak kontraktor membuat permohonan akan menyebabkan masalah kepada pengguna lain seperti terputus kabel optik, paip air pecah, kabel elektrik rosak dan lain - lain.

Pihak pengurusan kontraktor dan penyelia tapak akan dipertanggungjawabkan dalam melaksanakan dan mempamerkan permit yang telah diluluskan oleh pihak berkaitan.

### 1.12) Bahan-bahan berbahaya dan Mudah Terbakar

Bahan binaan yang mempunyai risiko bahaya (*hazardous*) dan **mudah terbakar haruslah disimpan dengan baik** atau diasingkan semasa proses penyimpanannya oleh pihak pengurusan kontraktor ditapak bina. Papan tanda amaran perlu dipamerkan di kawasan tersebut.

### 1.13) Etika

- a) Pihak kontraktor dan pekerjanya adalah sama sekali **dilarang mengambil dan menggunakan harta benda** atau kemudahan UiTM tanpa kebenaran dari pihak pentadbiran dan pengurusannya.
- b) Sentiasa berpakaian lengkap dan sopan seperti pakaian tidak koyak, berseluar panjang dan lain - lain di kawasan kampus UiTM.
- c) **Pergaduhan antara pengurusan kontraktor atau pekerjanya** dan aktiviti yang melanggar undang - undang adalah dilarang sama sekali di dalam kawasan perlaksanaan tapak binaan dan dalam kawasan UiTM. Jika sekiranya didapati telah berlakunya pergaduhan di dalam tapak binaan, maka pihak pengurusan kontraktor boleh dikenakan **tindakan buang tapak** oleh pihak UiTM.
- d) Aktiviti **merokok bagi para pekerja kontraktor** dan pihak yang terlibat adalah dilarang sama sekali terutama di kawasan Kampus UiTM.
- e) Para pekerja binaan hendaklah menjauhi dari aktiviti pengambilan **dadah berbahaya dan minum minuman keras** semasa berada dalam kawasan UiTM kerana ia merupakan perkara yang dilarang dan melanggar peraturan UiTM.
- f) Pihak pengurusan kontraktor dan para pekerja mereka adalah sama sekali tidak dibenarkan **menceroboh ke kawasan** lain, selain tapak binaannya.

- g) Semua pihak pengurusan kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembangunan di dalam kawasan UiTM **hendaklah mematuhi syarat atau peraturan-peraturan** berkaitan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan dari **PPF&ICT, UCS** yang akan diberitahu dari semasa ke semasa.

**Nota** :- Mana-mana Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dilantik berhak untuk menjalankan pemeriksaan pada bila-bila masa dan boleh mengeluarkan apa-apa notis, denda atau memberhentikan sesuatu aktiviti kerja yang didapati melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan yang berkaitan. Akibat dari notis atau pemberhentian tersebut pihak UiTM tidak akan menanggung apa-apa *liability* dan semua kos kerugian akan ditanggung oleh pihak kontraktor berkenaan.

#### 1.14) Latihan

- a) Program pendidikan dan latihan pekerja sebagai pengiktirafan, penghindaran dan pencegahan keadaan tidak selamat dalam pekerjaan yang dilindungi oleh Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 154) dan Akta Kilang Dan Jentera 1967 (Akta 139)
- b) Pihak pengurusan kontraktor dan para pekerjanya adalah digesa **mengambil bahagian** dalam apa juga aktiviti, kempen dan program yang melibatkan isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan di dalam kawasan UiTM.
- c) Pihak PPF&ICT, UCS **sentiasa menggalakkan sebarang idea** baru yang boleh dikemukakan atau diguna pakai dalam perlaksanaan kerja binaan dengan tujuan memperbaiki tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan didalam kawasan UiTM.

## 2.0) ATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Kontraktor hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa pelan keselamatan dan kesihatan itu berjalan lancar dan mengenal pasti bahaya yang berpunca daripada kerja-kerja pembinaan (termasuk risiko khusus kepada jenis tertentu kerja-kerja pembinaan berkenaan) dan termasuk langkah-langkah yang sesuai dan mencukupi untuk menangani risiko tersebut, termasuk mana-mana kaedah dan peraturan tapak.

### 2.1) Keselamatan Fizikal

- a) Mengadakan sesi '*safety briefing*' kepada semua pekerja setiap awal pagi atau sebelum kerja dan aktiviti bermula.
- b) Memastikan setiap pekerja mendapat latihan yang mencukupi agar tidak cuai ketika melakukan tugas.
- c) Membuat pemeriksaan fizikal terhadap mesin atau peralatan mekanikal terlebih dahulu sebelum memulakan kerja.
- d) Menyediakan pencahayaan yang secukupnya sesuai ketika menjalankan aktiviti kerja.
- e) Memastikan paku pada kayu ditanggalkan atau dibengkokkan supaya tidak berlaku kecederaan.
- f) Mematuhi setiap arahan papan tanda dan kod warna yang telah digariskan di tapak bina.
- g) Menyediakan laluan selamat untuk orang awam.
- h) Memastikan laluan keluar dan masuk untuk pekerja tidak terhalang kerana ia boleh mengganggu sebarang aktiviti yang dijalankan.
- i) Memastikan peralatan dan perkakasan elektrik dalam keadaan baik dan selamat.
- j) Memastikan pekerja tidak menjalankan kerja elektrik tanpa mendapat kebenaran untuk menggunakan peralatan elektrik tersebut.
- k) Mengendalikan bahan kimia dengan cermat dan selamat.
- l) Memastikan tabung silinder dalam keadaan selamat.
- m) Menggunakan sistem pembuangan sisa binaan yang betul. (sisa binaan dalam roro truck buang setelah penuh)
- n) Menggunakan alat perlindungan diri ketika menjalankan aktiviti kimpalan.
- o) Memeriksa brek kenderaan dan memandu dengan cermat.
- p) Menghalang pekerja lain dari menaiki trak pembuang dan mesin pengorek.
- q) Tidak memasuki **ruang terkurung** tanpa kebenaran.
- r) Memastikan bahawa ruang kerja sentiasa berada dalam keadaan bersih, selamat dan mengamalkan sistem 5 S (sisih, susun, sapu, seragam, sikap)
- s) Menggunakan penghadang '*barricade*' atau '*safety net*' untuk melindungi keselamatan orang awam ketika menjalankan aktiviti yang berbahaya dan berhazard.
- t) Memastikan tiada air bertakung di dalam tapak bina
- u) Memastikan susun atur bahan binaan yang kemas dan teratur
- v) Memastikan semua pekerja berpakaian sopan dan tingkah laku yang baik

## **2.2) Bekerja di Tempat Tinggi**

Sistem dan cara bekerja yang selamat perlu dipatuhi dalam sebarang aktiviti kerja dalam semua industri. Ini penting untuk mengelakkan pendedahan pekerja kepada risiko kemalangan nyaris atau terjatuh dari tempat yang tinggi atau kemalangan membawa maut semasa melakukan aktiviti kerja di atas bumbung, tangga, menara pencawang dan lain-lain. Kontraktor dikehendaki menyediakan dan memastikan pekerjanya:\_

- a)** Menggunakan kelengkapan peranti jatuh yang lengkap apabila bekerja pada paras ketinggian melebihi 10 kaki.
- b)** Sentiasa bekerjasama dan melibatkan diri secara aktif dalam sebarang aktiviti keselamatan bekerja termasuk latihan yang dianjurkan oleh pihak majikan.
- c)** Mematuhi peraturan bekerja selamat mengikut persekitaran kerja yang telah digariskan oleh UiTM.
- d)** Menggunakan kelengkapan perlindungan diri (PPE) yang mengikut piawaian yang ditetapkan, dan menjalani latihan sempurna berkenaan cara betul penggunaannya.
- e)** Membuat pemeriksaan lengkap terhadap semua kelengkapan, peralatan dan jentera yang hendak digunakan mengikut jadual harian yang ditetapkan dan melaporkan sebarang kerosakan dan kecacatan kepada penyelia dengan segera.
- f)** Menggunakan laluan yang betul ketika melakukan kerja di atas bumbung atau tempat tinggi.

## **2.3) Perancah Pelantar Kerja Sementara**

- a)** Tiap-tiap perancah dan tiap-tiap bahagiannya hendaklah dibina dengan baik, dari bahan yang sesuai dan baik dan mempunyai kekuatan yang mencukupi bagi maksud yang hendak digunakannya. (Peraturan 72(1), Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja-Kerja Binaan Kejuruteraan) (Keselamatan) 1986).
- b)** Tiap-tiap perancah dan tiap-tiap bahagiannya hendaklah mematuhi Piawaian Malaysia atau mana-mana piawaian antarabangsa yang berkaitan.
- c)** Tiada perancah boleh dibina atau sebahagian besarnya diubah atau dirombak kecuali di bawah penyeliaan orang yang ditetapkan. (Peraturan 74(1), Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja-Kerja Binaan Kejuruteraan) (Keselamatan) 1986).

- d)** Semua bahagian yang hendak digunakan untuk pembinaan perancah hendaklah diperiksa oleh orang yang ditetapkan setiap kali sebelum ia digunakan. (Peraturan 74 (2), Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja-Kerja Binaan Kejuruteraan) (Keselamatan) 1986).
- e)** Setiap pengendali perancah hendaklah berdaftar dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- f)** Pengendali perancah hendaklah sentiasa menggunakan sistem yang selamat semasa memasang, mengubah suai dan merombak perancah. Ini biasanya termasuklah penggunaan abah-abah keselamatan (*safety harness*).
- g)** Semua perancah perlu ditambat untuk membantu mencegah keruntuhan. Semua perancah termasuk perancah '*independent*' haruslah ditambat selamat atau disokong. Lebih banyak tambatan diperlukan jika:-
  - i. perancah dilitup atau dipasang jaring yang akan mengakibatkan bebanan ginya bertambah;
  - ii. ia digunakan sebagai pelantar untuk memunggah bahan atau kelengkapan; atau
  - iii. pesawat angkat, perkakas angkat atau pelongsor sampah disambungkan padanya.
- h)** Pembinaan perancah dan jaringan sisi haruslah satu tingkat lebih tinggi dari lantai struktur yang dalam pembinaan untuk memastikan tiada objek yang boleh jatuh di tepi luar bangunan.
- i)** Tiap-tiap perancah hendaklah disenggara dengan sempurna dan tiap-tiap bahagiannya hendaklah dipasang kekal, dikukuhkan atau diletakkan dalam keadaan supaya dapat mencegah, setakat mana yang praktik, daripada teranjak ke tempat lain dengan tidak sengaja. (Peraturan 73(1), Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja-Kerja Binaan Kejuruteraan) (Keselamatan) 1986).
- j)** Tiap-tiap perancah tiub logam yang melebihi 40 meter tingginya dan tiap-tiap perancah lain yang melebihi 15 meter tingginya hendaklah dibina mengikut reka bentuk dan lukisan Jurutera Profesional. (Peraturan 75(1), Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja-Kerja Binaan Kejuruteraan) (Keselamatan) 1986)

\* *Contoh Gambar perancah / scaffolding di LAMPIRAN 4*

## 2.4) Keselamatan Elektrik

- a) Kesemua kerja-kerja pendawaian hendaklah menepati **Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447)** dan Pengurusan Teknikal (UiTM). Pemasangan kabel hendaklah selamat semasa sambungan ke punca bekalan dan tahap kekuatan pemutus litar yang ada didalamnya haruslah setara.
- b) Hanya pekerja yang terlatih dan bertauliah (**competent**) sahaja dibenarkan memohon permit menjalankan kerja-kerja pemasangan, menyambung, mencantum, baikpulih dan penyelenggaraan. Contohnya:
  - i. Jurutera Elektrik
  - ii. Penyelia Elektrik
  - iii. Penjaga Jentera (Chargeman)
  - iv. Pendawai (Satu Fasa, Tiga Fasa)
  - v. Pencantum Kabel
- c) Pekerja-pekerja lain hendaklah diselia oleh pekerja kompeten.
- d) Hendaklah diamalkan ketika kerja berhampiran atau dengan peralatan berkuasa elektrik (yang mempunyai arus elektrik) :
  - i. Dapatkan permit menjalankan kerja. (**PTW**)
  - ii. Sekiranya kerja-kerja tersebut memerlukan penambahan bekalan kuasa sedia ada, sila mohon penambahan bekalan dengan mengisi **borang permohonan bekalan**.
  - iii. Patuhi prosedur kerja selamat (**SOP**)
  - iv. Kenalpasti di mana suis kecemasan
  - v. Jangan memakai barang berlogam seperti cincin, tali pinggang berkepala logam, jam tangan dan sebagainya.
- e) Semua bahagian peralatan elektrik yang boleh dicapai hendaklah mempunyai wayar bumi atau berpenebat (dwi penebat)
- f) Semua wayar mudahlentur, palam, soket dan penyambung hendaklah dalam keadaan baik kualitinya dan mematuhi piawaian.
- g) Suis bekalan utama hendaklah diletakkan pada lokasi yang sesuai, mudah dicapai dan posisi "ON" dan "OFF" dikenalpasti.
- h) Peralatan hendaklah kerap diperiksa dan diselenggara.
- i) Kerosakan yang dijumpai pada peralatan hendaklah dilaporkan.
- j) Putuskan bekalan kuasa sebelum kerja-kerja membaikpulih, servis atau mengubahsuai sebarang peralatan atau mesin.

- k) Sesuatu litar elektrik hendaklah dielakkan dari terlebih beban.
- l) Penyambung wayar @ **Wire Extension** hendaklah mempunyai pemutus litar bocor ke bumi (RCCB) sendiri untuk tujuan keselamatan pepasangan bangunan.
- m) Kakitangan hendaklah dilatih di dalam prosedur keselamatan dan rawatan atas pertolongan cemas jika berlaku renjatan elektrik.
- n) Semua peralatan elektrik hendaklah dilindungi dari kesan persekitaran dan bahaya-bahaya lain seperti cuaca, basah, haba, habuk dan kotoran, karatan, kebakaran dan letupan.

## 2.5) Lockout / Tagout

- a) Pengunci (lock) dipasang pada bekalan kuasa peralatan untuk menggalakkan pengaliran tenaga secara tidak sengaja.
- b) Menggunakan konsep seorang pekerja, satu kunci dan satu tag.
- c) Setiap individu yang bekerja pada sesuatu peralatan mestilah memasang pengunci dan tag miliknya sendiri.
- d) Penguncian (Lockout) secara berkumpulan adalah dilarang.
- e) Tag penguncian (Lockout Tag) memberikan amaran dan identiti diri orang yang memasangnya

## 2.6) Penggunaan Kenderaan / Mesin Angkat

- a) Kesemua **alatan, mesin dan jentera** yang akan digunakan semasa perlaksanaan, mestilah mempunyai "perakuan Kelayakan Mesin Angkat" (PMA) yang sah sahaja dan dipamerkan pada mesin tersebut (FMA {NCFA} Regulations 1970, Regulation 10) Salinan rekod sijil ini haruslah diserahkan kepada **PPF&ICT, UCS**
  - i. Mesin telah diuji dan diluluskan oleh Pihak berkuasa.
  - ii. Sijil PMA (Sijil Perakuan Mesin Angkat) yang sah.
- b) Hanya pekerja\* yang **berkelayakan atau kompeten sahaja DIBENARKAN** untuk menggandalikan alatan, mesin dan jentera yang terlibat dalam perlaksanaan kerja pembangunan dan penyelenggaraan di kawasan UiTM.

\* Pemandu /pengendali yang mempunyai lesen dan berdaftar dengan JKJP.

\* Pengendali Kren mestilah warganegara Malaysia sahaja

- c) Pihak kontraktor hendaklah bertanggungjawab dalam memastikan kesemua fizikal dan kondisi mesin dan jentera yang akan digunakan diselenggara dan dibaik pulih pada setiap bulan (FMA 1967, Section 18 and OSHA 1994, Section 15) dan salinan **rekod selenggara** haruslah diserahkan pada **PPF&ICT, UCS**
- i. Senggaraan berkala
  - ii. Mempunyai functional limit switches
  - iii. Kawasan operasi perlu di kepung / di pagar (*Barricated*)
  - iv. Muatan tidak melebihi had
- d) Bagi kerja di dalam zon voltan tinggi, kenderaan hendaklah dibumikan. Memastikan setiap mesin dan jentera yang akan digunakan mempunyai mekanisma perlindungan keselamatan tersendiri (safety device) sebagai contoh:
- i. *Gas cylinder* dipasang bersama (*flash-back arrestor*)
  - ii. Komponen bergerak seharusnya mempunyai penutup (*cover*)
  - iii. Jentera (*crane*) ada mempunyai suis terhad pada bahagian tali penaik (*limit lifting wire rope*)
  - iv. Janakuasa Bergerak (*portable Generators*) hendaklah disertakan bersama pendawaian ke bumi (*Residual Current Circuit Breaker RCCB*)
  - v. Mesin dan jentera yang menggunakan bahan-bahan bakar diesel hendaklah dikawal rapi dan dijaga dengan baik serta diberikan **ruang pengudaraan** yang cukup di lokasi penyimpanannya.

## 2.7) Pengendalian Sisa Buangan

### a) Sisa Domestik

Sisa buangan seperti plastik, kaca, sisa makanan dan sisa tumbuhan yang boleh dilupuskan ditapak pelupusan Pihak Berkuasa Tempatan.

\* *Tiada sebarang aktiviti pembakaran sampah terbuka dibenarkan di dalam kawasan UiTM*

### b) Buangan Terjadual

Buangan yang terkandung di dalam kumpulan atau yang telah disenaraikan di dalam **Jadual Pertama** di bawah **Peraturan-peraturan Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005**, hanya boleh dilupuskan di tapak pelupusan yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Buangan Terjadual ini termasuklah sebarang buangan yang bercampur dengan minyak dan bahan kimia.

### **3.0) KEADAAN KERJA KHAS**

#### **3.1) Kerja Ruang Terkurung " work in confined space"**

Bekerja di ruang terkurung hendaklah mematuhi kehendak kod amalan yang bersesuaian untuk memasuki ke dalam ruang terkurung yang diterbitkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan CIS 16: 2006 - Garis Panduan Bekerja di ruang terkurung di tapak pembinaan yang diterbitkan oleh Lembaga Pembinaan Industri Malaysia (CIDB)

#### **3.2) Pergerakan Lalu Lintas dan Pengurusan Trafik**

- a)** Semua kenderaan yang digunakan di tapak kerja hendaklah sesuai dan mematuhi keperluan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia.
- b)** Mempunyai lesen memandu yang sah mengikut Kelas atau jenis yang di benarkan, dokumen kenderaan dan pas kebenaran kemasukan.
- c)** Rekabentuk kawalan lalu lintas hendaklah mematuhi *standard* yang ditetapkan dan di kawal oleh pihak berkuasa yang berautoriti
- d)** Patuhi arahan Tenaga Nasional Berhad (TNB).
- e)** Patuhi undang-undang lalu lintas. Contoh: Pakai tali pinggang keledar.
- f)** Lori terbuka tidak dibenar membawa penumpang dibelakangnya.
- g)** Tidak membawa lebih had muatan yang dibenarkan.
- h)** Aktiviti atau kerja yang dilakukan di atas atau di kawasan berhampiran dengan jalanraya kampus atau lebuhraya atau mana-mana tempat lain yang mana kenderaan awam keluar masuk boleh mendatangkan bahaya kepada orang awam, pelajar dan pekerja. Kawasan kerja itu hendaklah di hadang dan mempamerkan tanda amaran, tanda arah dan lampu amaran yang cukup untuk mengarahkan kenderaan supaya perlahan dan jika perlu, lalu lintas hendaklah dikawal khas oleh orang yang ditetapkan.
  - i.** Letakkan papan tanda amaran.
  - ii.** Letakkan kon keselamatan yang mencukupi.
  - iii.** Pasangkan *Blinkers* di waktu gelap.
  - iv.** Pakai Vest keselamatan.
  - v.** Tugaskan Pengawal Lalu lintas. (Flagman)
  - vi.** Letakkan kenderaan di tempat yang bersesuaian.
- i)** Semua kawasan yang melibatkan kenderaan di dalam atau di luar perlu dikepung.

- j) Kenderaan seperti lori pemungkah untuk mengangkut atau membawa bahan cerai, bahan tersebut haruslah ditutup dan diikat dengan kuat untuk memastikan tidak ada bahan melimpah ke atas jalan raya di dalam dan di luar kampus.

### **3.3) Keselamatan Pengendalian Gas**

- a) Silinder untuk gas mudahbakar hendaklah dilengkapi dengan *flash back arrester*
- b) Semua gas mampat perlu disifatkan sebagai bahan letupan.
- c) Kontainer / silinder gas hendaklah disimpan tidak melebihi suhu  $121^{\circ}\text{C}$  ( $250^{\circ}\text{F}$ )
- d) Silinder kosong hendaklah ditutup rapi dan ditandakan sebagai kosong serta disimpan di tempat berasingan.
- e) Silinder gas hendaklah diikat atau dirantai menegak supaya tidak jatuh.
- f) Laksanakan kaedah pengenalan kod warna untuk membezakan isi kandungannya.
- g) Gunakan troli khas untuk memindahkan silinder.

### **3.4) Keselamatan Aktiviti Peledakan (Blasting Work)**

- a) Permit menjalankan kerja (PTW) diperlukan.
- b) Dilaksanakan oleh kakitangan terlatih sahaja.
- c) Operator hendaklah memakai serkup (hood) udara bertekanan positif dan PPE.
- d) Kawasan dikepung dan diletak papan tanda.
- e) Gunakan Peralatan Pernafasan apabila bekerja di ruang terkurung.
- f) Lakukan pembumian (rintangan  $< 25 \text{ ohm}$ )
- g) Penjaga mesin (*Standby personnel*) mestilah berada berdekatan pemampat udara dalam keadaan bersiap sedia semasa operasi.
- h) Peralatan atau permukaan yang hendak di tembak hendaklah bebas dari minyak.
- i) *Blasting gun* dan penampat udara hendaklah disambungkan ke punca pembumian (*bonded to earth point*).
- j) Gunakan bahan penghakis yang diluluskan sahaja.
- k) Sila patuhi Bahagian XV Peraturan (Kendalian Bangunan dan Kerja Binaan Kejuruteraan Keselamatan) Kilang dan Jentera 1986.

### **3.5) Penggunaan Udara Mampat**

- a)** Pemeriksaan berkala / berjadual
- b)** Kakitangan yang terlatih
- c)** Gunakan kelengkapan pelindung diri (PPE)
- d)** Kawasan operasi dikepung dan diletak papan tanda.
- e)** Gunakan hos dan peralatan yang sesuai.
- f)** Jangan gunakan udara mampat untuk tujuan membersihkan diri.
- g)** Jangan bermain dan bergurau semasa operasi dijalankan.

### **3.6) Kerja Panas (Hot Work)**

- a)** Contoh: kerja kimpalan, memotong, menggerudi, lelasan.
- b)** Pekerja terlatih dan kompeten.
- c)** Memerlukan Permit Menjalankan Kerja (PTW)
- d)** Pemerhati api (*fire watcher*) ditempatkan.
- e)** Lakukan ujian gas.
- f)** Peralatan kerja perlu diasingkan dan bebas dari sebarang gas atau minyak.
- g)** Kerja perlu dihentikan apabila terdapat gas atau minyak di kawasan kerja dan hanya disambung semula setelah disahkan selamat.
- h)** Kawasan kerja hendaklah di dalam keadaan basah.
- i)** Bahan mudah terbakar atau meletup tidak dibenarkan berada di dalam kawasan kerja.
- j)** Perisai (*Shield*) untuk melindungi tempat berdekatan dari api atau bara yang berterbangan.
- k)** Di dalam ruang terkurung-perlu gunakan *fume extractor*.
- l)** Gunakan PPE yang bersesuaian.

**3,7) Kerja -kerja mengorek/ menggali**

- a)** Hendaklah mendapatkan Permit Menjalankan Kerja (PTW) dari Unit Operasi Elektrikal.
- b)** Kawasan terlibat perlu dikepung dan diletak papan tanda amaran.
- c)** Memasang *Shoring, sloping, bracing* untuk kedalaman yang melebihi 4 kaki.
- d)** Pastikan tiada pepasangan atau talian bekalan elektrik di bawah kawasan korekan.
- e)** Sila patuhi Bahagian XII Peraturan (Kendalian Bangunan dan Kerja Binaan Kejuruteraan Keselamatan) Kilang dan Jentera 1986.

#### 4.0) SENARAI SEMAK

#### KERJA-KERJA BERISIKO (HAZARD/BAHAYA) YANG DIJALANKAN.

Pengetahuan dan pengalaman anda sebagai kontraktor berkenaan senario jenis, situasi kerja, cuaca dan lain-lain dengan memberi gambaran tentang spesifikasi dan aktiviti kerja-kerja yang terlibat. Berikut adalah senarai kerja yang hazard:-

(Sila tandakan  di petak  yang disediakan)

- Bekerja di tempat tinggi
- Mengorek dan menggali
- Kerja panas *welding* dll
- Ruang terkurung
- Bekerja di tempat sibuk
- Bekerja di tempat sejuk
- Bekerja dan mengendalikan bahan kimia
- Bekerja dan mengendalikan jentera berat
- Bekerja dan menjalankan penyambungan bekalan elektrik
- Bekerja dan mengendalikan bahan letupan
- Bekerja dan menggunakan tembakan
- Bekerja dan mengendalikan tekanan
- Bekerja dan mengendali bahan kerja yang berat > 50 lbs
- Bekerja dan mengendalikan *Scalfolding*
- Bekerja di tempat bising
- Bekerja dengan konkrit.
- Bekerja dan mengendalikan *power active tools*
- Bekerja dan mengendalikan peralatan *tools and power*
- Bekerja dan mengendalikan peralatan yang tajam
- Atau lain-lain ( sila nyatakan ):  

---

---

Dengan ini saya memperakarkan bahawa kerja-kerja yang bertanda di atas akan di ambil maklum dan memastikan, "setakat yang praktik", keselamatan, kesihatan dan kebijakan semasa bekerja semua pekerja".

Nama : \_\_\_\_\_

Cop Kontraktor : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

Tanda Tangan : \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_

## **5.0) PENYERAHAN LIABILITI**

1. Akta Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Seksyen 31, Akta kilang dan Jentera, 1967 dan mana-mana undang-undang bertulis yang berkaitan yang melibatkan kehilangan nyawa pekerja atau mendatangkan kecederaan kepada diri pekerja dengan menghalang beliau daripada menjalankan tugas biasanya melebihi daripada empat (4) hari hendaklah dilapurkan dengan segera ke Bahagian ini. Borang JKPP 6 (lampiran 2) hendaklah diisi dan dikemukakan ke Bahagian ini selepas laporan melalui telefon atau fax. Sebarang kejadian bahaya (*dangerous occurrences*) ke atas jentera dan sebagainya yang boleh mengancam keselamatan pekerja dan orang awam hendaklah juga dilapurkan ke Bahagian ini. Lain-lain kemalangan ringan hendaklah dicatatkan di dalam buku rekod daftar kemalangan dan dikemukakan untuk semakan pegawai kami apabila diarahkan;
2. Menyediakan dan menyemak semula Dasar Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (*Occupational Safety And Health Policy*), Perkiraan Organisasi dan Perkiraan Keselamatan daripada semasa kesemasa supaya dikemaskini dengan mengambilkira perkembangan undang-undang, teknologi dan persekitaran tapak kerja. Dasar yang telah digubal dan dimeterikan oleh Pengerusi atau Pengarah Urusan Syarikat hendaklah diberitahu kepada semua peringkat pengurusan dan kakitangan Syarikat tuan serta lain-lain pekerja selain daripada pekerja tuan. Dasar ini hendaklah dipaparkan dipapan kenyataan untuk pengetahuan umum;
3. Satu Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan yang dipengerusikan oleh Pengurus Projek berkenaan hendaklah ditubuhkan di tapak kerja binaan dan hendaklah mematuhi kepada kehendak-kehendak Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan) 1996.
4. Seorang Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan yang bertauliah hendaklah dilantik berpandukan kepada kehendak Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan) 1997;
5. Mengadakan satu Sistem Pengurusan Keselamatan yang berkesan dan efektif serta mengenalpasti bahaya-bahaya yang mungkin timbul dengan mengambil langkah-langkah yang praktik dan wajar semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan supaya tidak mendatangkan bahaya atau gangguan kepada orang-orang awam dan kerosakan harta benda kepunyaan orang awam pada setiap masa;
6. Bertanggungjawab ke atas tingkah laku aktiviti kerja binaan yang dijalankan oleh "*independent specialized contractors*" seperti TNB, IWK, JBA, Telekom dan sebagainya;
7. Kehendak-kehendak statutori dan Peraturan Keselamatan Am hendaklah dipatuhi dan diteliti oleh tuan serta semua pekerja semasa pelaksanaan aktiviti kerja berkenaan. Etika bekerja ini perlu diperaktikkan oleh tuan dan setiap pekerja, dengan kebiasaan terhadap Peraturan Keselamatan Am akan membantu pihak tuan mencapai kemalangan sifar.

- i. Semua kerja-kerja pembinaan berkenaan hendaklah dijalankan dengan mematuhi kehendak-kehendak Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514), Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139), Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) dan mana-mana undang-undang bertulis yang berkaitan.
- ii. Pihak tuan hendaklah melaporkan ke Bahagian ini sebarang jentera-jentera yang digunakan di tapak kerja daripada semasa ke semasa untuk semakan dan rekod Bahagian ini;
- iii. Jentera-jentera seperti mesin angkat, *sky-lift crane*, *power scaffold* dan sebagainya memerlukan Sijil Perakuan kelayakan yang sah untuk beroperasi. Semua operator mesin tersebut perlu pemandu yang kompeten dan berdaftar dengan Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan.
- iv. Orang yang bertanggungjawab (*designated persons*) untuk aktiviti kerja seperti *public vehicular traffic control*, *safety belts*, *excavation*, *sky lift crane* dan sebagainya yang dinyatakan dibawah Peraturan (Kendalian Bangunan dan Kerja Binaan Kejuruteraan Keselamatan) Kilang dan Jentera 1986 hendaklah dilantik daripada golongan pekerja yang berpengetahuan dan berkepakaran pemerhatian dan perlaksanaan tanggungjawab harian mereka hendaklah dicatitkan dan direkod unruk semakan lanjut pegawai di Bahagian ini. Senarai lantikan berkenaan hendaklah dikemaskinikan daripada semasa kesemasa.
- v. Sebarang kemalangan menurut kehendak Seksyen 32, Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Seksyen 31, Akta Kilang Dan Jentera, 1967 dan mana-mana undang-undang bertulis yang berkaitan yang melibatkan kehilangan nyawa pekerja atau mendatangkan kecederaan kepada diri pekerja dengan menghalang beliau daripada menjalankan tugas biasanya melebihi daripada empat (4) hari hendaklah dilapurkan dengan segera ke Bahagian ini. Borang JKJP 6 hendaklah diisi dan dikemukakan ke Bahagian ini selepas lapuran melalui telefon atau faks. Sebarang kejadian bahaya (*dangerous occurrences*) ke atas jentera dan sebagainya yang boleh mengancam keselamatan pekerja dan orang awam hendaklah juga dilaporkan ke Bahagian ini. Lain-lain kemalangan ringan hendaklah dicatitkan di dalam buku rekod daftar kemalangan dan dikemukakan untuk semakan pegawai kami apabila diarahkan.
- vi. Menyediakan dan menyemak semula Dasar Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (*Occupational Safety And Health Policy*), Perkiraan Organisasi dan Perkiraan Keselamatan daripada semasa ke semasa supaya terkemaskini dengan mengambilkira perkembangan undang-undang, teknologi dan persekitaran tapak kerja. Dasar yang telah digubal dan dimeterikan oleh Pengurus atau Pengarah Urusan Syarikat hendaklah diberitahu kepada semua peringkat pengurusan dan kakitangan Syarikat tuan serta lain-lain pekerja selain daripada pekerja tuan. Dasar ini hendaklah dipaparkan dipapan kenyataan untuk pengetahuan umum.

- vii. Satu Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan yang dipengerusikan oleh Pengurus Syarikat berkenaan hendaklah ditubuhkan di tapak kerja dan hendaklah mematuhi kepada kehendak-kehendak Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan) 1996.
- viii. Seorang Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan hendaklah dilantik berpandukan kepada kehendak Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan) 1997.
- ix. Mengadakan satu Sistem Pengurusan Keselamatan yang efektif serta mengenalpasti bahaya-bahaya yang mungkin timbul dengan mengambil langkah-langkah yang praktik dan wajar semasa kerja-kerja perkhidmatan dijalankan supaya tidak mendatangkan bahaya atau gangguan kepada orang awam dan kerosakan harta benda kepunyaan orang awam pada setiap masa.
- x. Rekod-rekod di para 7(i) hingga 7(vii) hendaklah di simpan di tempat kerja dan boleh dikemukakan apabila diminta oleh pegawai dari Bahagian ini semasa pemeriksaan statutori dijalankan.
- xi. Laporan bulanan berkenaan prestasi pencapaian sistem pengurusan keselamatan yang dilaksanakan hendaklah dikemukakan ke Bahagian ini untuk semakan lanjut pada hari ketujuh (07) setiap bulan sehingga penyempurnaan projek berkenaan.
- xii. Pemberitahuan secara bertulis ke Bahagian ini hendaklah dibuat apabila projek berkenaan telah siap dilaksanakan kelak.
- xiii. Mematuhi lain-lain kehendak jabatan ini yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa.

8. Untuk makluman tuan, pegawai-pegawai dari Bahagian ini akan melakukan lawatan berjadual atau mengejut dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa kerja-kerja pembinaan yang dijalankan oleh syarikat tuan mematuhi kehendak-kehendak Bahagian ini pada setiap masa. Tindakan memberhentikan operasi kerja tuan akan dijalankan tanpa apa-apa amaran semasa lawatan dibuat jikalau didapati tahap dan mutu keselamatan yang dipaparkan adalah tidak selamat.

9. Kerjasama daripada pihak tuan untuk mengadakan satu keadaan dan kaedah kerja yang selamat dan sihat untuk pekerja-pekerja tuan, lain-lain pekerja selain daripada pekerja sendiri dan orang awam pada setiap masa adalah amat dihargai.

10. Pihak tuan boleh berhubung terus dengan **Pejabat Pengurusan Fasiliti & ICT, UiTM Cawangan Selangor** jika terdapat apa-apa kemosyikilan berkenaan perkara di atas.

**PERAKUAN KONTRAKTOR**

*(Sila baca dengan teliti perakuan I, II dan III)*

Saya mewakili \_\_\_\_\_ (nama wakil) dengan ini mengesahkan :-

- I. Telah memiliki, membaca dan memahami kandungan Manual Keselamatan Kontraktor UiTM dan berjanji akan mematuhi segala arahan yang terkandung di dalamnya.
- II. Sentiasa mengambil langkah yang perlu untuk memantau hazard dan menjalankan langkah kawalan yang sesuai bagi mengelakkan kemalangan.
- III. Maklum dengan keperluan perundangan termaktub yang berkaitan dengan kerja-kerja di UiTM yang dijalankan oleh syarikat saya akan sedia mematuhi undang-undang dan peraturan tersebut.

Nama : \_\_\_\_\_

Cop Syarikat : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

Tanda Tangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

**BUKU PANDUAN  
KESELAMATAN &  
KESIHATAN PEKERJAAN**

**PANDUAN TELEFON**

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>NO. TELEFON PEJABAT</b>
1.0	<b>Hotline PPF &amp; ICT</b>	03 3258 4044
2.0	<b>Pejabat Pengarah Pengurusan Fasiliti &amp; ICT</b>  Ir. Hj. Ismail Mohd Kassim Pengarah Hajah Rose Hanita Ahmad Timbalan Pengarah	03 3258 4040  03 3258 4004
3.0	<b>Bahagian Operasi Bangunan, Infrastruktur &amp; Majlis</b>  Irwan Ismadi Masout Arkitek Lanskap Kanan Noor Azniza Baharuddin Jurutera Kanan Mohamad Nizzuan Mat Hashim Jurutera Elektrik Kanan Mohd Fauzi Hassim Jurutera Mekanikal Kanan Mohamad Nizam Mohd Zaman Khan Penolong Arkitek Lanskap Hazwan Mohd Razukhi Penolong Jurutera Awam	(Ketua Bahagian) 03 3258 4053 (Ketua Unit Awam ) 03 3258 4042 (Ketua Unit Elektrik) 03 3258 7840 (Ketua Unit Mekanikal) 03 3258 4043 (Unit Lanskap) 03 3258 4052 (Unit Majlis) 03 3258 4267
4.0	<b>Bahagian Kualiti, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan</b>  Sr Mohd Shaharusin Saud Juruukur Bangunan Kanan	03 3258 4059
5.0	<b>Bahagian Kontrak dan Kawalan Kos</b>  Mohd Faiz Mohsin Juruukur Bahan Kanan	03 3258 4096
6.0	<b>Bahagian Projek, Rekabentuk dan Pengurusan Tenaga</b>  Zainolasri Abdul Sani Jurutera Elektrik Kanan	03 3258 4093
7.0	<b>Bahagian Operasi PFI</b>  Sr Mohd Hanafi Moghni Juruukur Bangunan Kanan	03 3258 6061
8.0	<b>Bahagian Teknologi Maklumat (Info Tech)</b>  Sajudin Samad Timbalan Ketua Pegawai Teknologi Maklumat	03 3258 4545
9.0	<b>Hotline Pejabat Polis Bantuan</b>	03 3258 4444
10.0	<b>Talian Kecemasan Unt Kesihatan UiTM</b>	03 3258 5999

### **8.0) BORANG PENALTI**

<b>NO</b>	<b>KETERANGAN KESALAHAN</b>	<b>JENIS KESALAHAN (Sila tanda ✓ pada yang berkenaan)</b>	<b>PENALTI</b>
<b>1.0</b>	Gagal menghadiri kursus keselamatan dan kesihatan pekerjaan dari Bahagian Kualiti, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan sebelum memulakan sebarang apa-apa kerja di UiTM.	<input type="checkbox"/>	<b>RM200.00</b>
<b>2.0</b>	Gagal mematuhi peraturan berkaitan pemakaian pakaian perlindungan ketika berkerja atau berada di tapak binaan seperti topi dan kasut perlindungan PPE. (Personal protection equipment).	<input type="checkbox"/>	<b>RM200.00</b>
<b>3.0</b>	Merokok di dalam kawasan tapak binaan atau kawasan / zon UiTM.	<input type="checkbox"/>	<b>RM100.00</b>
<b>4.0</b>	Melaksanakan kerja-kerja yang berkaitan haba tinggi( hot works) tanpa perkiraan :-		
<b>4.1</b>	( Hot permit) yang sah laku tempohnya	<input type="checkbox"/>	<b>RM200.00</b>
<b>4.2</b>	Alat cegah kebakaran yang tersedia ada di lokasi tapak (standby fire extinguisher).	<input type="checkbox"/>	<b>RM200.00</b>
<b>4.3</b>	Pemasangan flashback arrestor pada acetylene cylinders	<input type="checkbox"/>	<b>RM200.00</b>
<b>4.4</b>	Perlindungan yang sempurna di kawasan persekitaran operasi jentera.	<input type="checkbox"/>	<b>RM200.00</b>
<b>4.5</b>	Papan tanda peringatan/amaran yang sempurna dan cukup.	<input type="checkbox"/>	<b>RM200.00</b>
<b>4.6</b>	Silinder gas (welding & cutting) berada dalam keadaan tegak di dalam troli.	<input type="checkbox"/>	<b>RM200.00</b>

**BORANG PENALTI**

<b>NO</b>	<b>KETERANGAN KESALAHAN</b>	<b>JENIS KESALAHAN (Sila tanda ✓ pada yang berkenaan)</b>	<b>PENALTI</b>
<b>5.0</b>	Menggunakan atau bekerja di atas perancah yang tidak sempurna dan berbahaya didalam tapak binaan UiTM.	<input type="checkbox"/>	<b>RM200.00</b>
<b>6.0</b>	Tidak menggunakan tangga sempurna dan sesuai semasa bekerja pada aras yang tinggi di tapak binaan /operasi penyelengaraan.	<input type="checkbox"/>	<b>RM200.00</b>
<b>7.0</b>	Tidak menggunakan penghadang sempadan ( barricade) yang sempurna :		
	<b>7.1</b> Di perimeter tapak binaan.	<input type="checkbox"/>	<b>RM200.00</b>
	<b>7.2</b> Di kawasan kerja tebus guna tanah.	<input type="checkbox"/>	<b>RM200.00</b>
	<b>7.3</b> Di lantai dan dinding yang terbuka.	<input type="checkbox"/>	<b>RM200.00</b>
	<b>7.4</b> Di bahagian bawah tapak dimana kerja-kerja yang melibatkan aras tinggi.	<input type="checkbox"/>	<b>RM200.00</b>
<b>8.0</b>	Penggunaan alat - alatan elektrikal:-		
	<b>8.1</b> Terdapat kerosakan pada kabel dan bahagian - bahagiannya. ( damage part ).	<input type="checkbox"/>	<b>RM200.00</b>
	<b>8.2</b> Penggunaan kabel yang sambungannya tidak selamat ( unsafe connection ).	<input type="checkbox"/>	<b>RM200.00</b>
	<b>8.3</b> Dengan kerosakan atau tiada penutup atas plug /soket elektrik yang digunakan.	<input type="checkbox"/>	<b>RM200.00</b>
	<b>8.4</b> Tiada pendawaian bumi ( earth circuit breaker ELCB dan pendawaian bumi bagi generator yang tidak sempurna.	<input type="checkbox"/>	<b>RM200.00</b>

**BORANG PENALTI**

<b>NO</b>	<b>KETERANGAN KESALAHAN</b>	<b>JENIS KESALAHAN (Sila tanda ✓ pada yang berkenaan)</b>	<b>PENALTI</b>
	<b>8.5</b> Menggunakan peralatan yang rosak dan tidak selamat ( cth : Machine Drill, hacker dan lain-lain )	<input type="checkbox"/>	<b>RM200.00</b>
<b>9.0</b>	Menggunakan jentera atau mesin pembinaan seperti mobile crane, lifting crane, skylift, scissors lift, air compressors, portable generator, welding generator, chain block, lever block, wire rope, lifting belt dan shackle tanpa tag pemeriksaan keselamatan.	<input type="checkbox"/>	<b>RM200.00</b>
<b>10.0</b>	Menggunakan operator atau pekerja yang tidak berkelayakan/kompeten dalam operasi jentera di tapak binaan.	<input type="checkbox"/>	<b>RM200.00</b>
<b>11.0</b>	Bekerja dalam kawasan/ ruang tertutup seperti tank, vessel, mainhole atau sewer tanpa kebenaran/ kelulusan UiTM.	<input type="checkbox"/>	<b>RM200.00</b>
<b>12.0</b>	Tidak mematuhi mana - mana peraturan dan syarat dalam tatacara etika kerja, garis panduan dan peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di dalam operasi tapak binaan Pejabat Pengurusan Fasiliti & ICT yang berkaitan Keselamatan, kesihatan dan hal - hal persekitaran.	<input type="checkbox"/>	<b>RM200.00</b>
<b>13.0</b>	Aktiviti pergaduhan sesama pengurusan kontraktor atau pekerja dan melakukan jenayah di kawasan tapak binaan UiTM.	<input type="checkbox"/>	<b>Dibuang dari Tapak Bina dan seluruh kawasan UiTM.</b>
<b>14.0</b>	Disyaki menggunakan dadah atau alkohol semasa bekerja atau ketika berada di dalam tapak binaan UiTM.	<input type="checkbox"/>	<b>Dibuang dari Tapak Bina dan seluruh kawasan UiTM.</b>

SPESIFIKASI PAPAN TANDA



\* berdasarkan garis panduan warna, saiz, jenis, yang dikeluarkan oleh JKPP


SPESIFIKASI PAPAN TANDA



Pandangan Hadapan



Pandangan Sisi



Pandangan Belakang

\*Mukataip : Frutiger 30 bold

\*Material Metal Deck

\*Tiang Besi Hollow Petak 25 x 25 mm & 1.2mm Tebal

SPESIFIKASI STICKER PADA HOARDING




# Stiker saiz A3 (420mm x 297mm)

\* Kuantiti mengikut arahan Pegawai Keselamatan

SPESIFIKASI HOARDING

( ukuran mengikut keluasan tapak )



- \* Ketinggian minima 10' (3050mm)
- \* Material metal deck (biru gelap)
- \* Berpintu dan berkunci

\* Panjang hoarding mengikut keluasan tapak binaan

**SILA PATUH  
KEPERLUAN P.P.E  
DI DALAM TAPAK  
UiTM**



**Safety  
Helmet**



**Eye  
Protection**



**Glove  
Protection**




**High Visibility  
clothing**



**Laced Safety  
Footwear**

**NO EXCUSES**

\* Pelawat atau pekerja yang masuk ke dalam tapak bina **dikehendaki** memakai ***Safety Helmet*** dan ***safety Boot***.



## **10.0) SENARAI RUJUKAN PERUNDANGAN**

1. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP/OSHA 1994)
2. Akta Kilang dan Jentera 1967 (AKJ / FMA 1967)
3. Akta Bekalan Elektrik 1990 (ABE / ESA 1990)
4. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS /EQA 1 74)
5. Akta Petroleum 1984 ( AKTA 302)
6. Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (AKSP / ESSA 1969)
7. (Peraturan 18(1), Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja-Kerja Binaan Kejuruteraan) (Keselamatan) 1986
8. Guideline for Occupational Safety and Health (OSH) Specification –CIDb 3rd Edition